

BAB 5

PENUTUP

5.1 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir bagi kajian ini. Dalam bab ini, pengkaji akan membuat rumusan terhadap dapatan kajian yang telah dijelaskan menerusi bab-bab sebelumnya. Seterusnya, pengkaji turut akan menerangkan mengenai implikasi dan cadangan terhadap kajian ini yang berada pada bahagian 5.2, 5.3 dan 5.4. Diharapkan kajian ini mampu mencapai objektif yang tepat di samping dapat memberikan ilmu dan maklumat yang baharu terhadap pembaca.

5.2 Rumusan terhadap Hasil Kajian

Pengetahuan terhadap konsep pengurusan SWKK, pengenalpastian isu-isu yang timbul dalam amalan SWKK serta analisis terhadap SWKK umumnya mengenai kaitannya dengan *Maqāsid Shari'ah* dan khususnya mengenai tadbir urus SWKK dengan *Maqāsid Shari'ah*. Kesemua di atas ini merupakan objektif utama yang telah digariskan dalam kajian ini. Berikut merupakan rumusan bagi perbincangan terhadap tiga objektif kajian yang telah dicapai oleh pengkaji:

5.2.1 Ringkasan dan Perbincangan (Objektif Kajian 1)

Konsep pengurusan SWKK yang diamalkan di masjid institusi negeri Selangor menjadi objektif pertama bagi kajian ini. Pada awalnya, kebenaran dalam melaksanakan

SWKK telah termaktub di dalam *Enakmen Pentadbiran Agama Islam* (Negeri Selangor) 2003 dan turut disokong oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.

Pengkaji telah menyenaraikan tiga elemen asas SWKK iaitu pihak pengurusan SWKK, kadar bayaran atau caruman dan juga manfaat ahli. Ini menunjukkan bahawa, asas kepada ketiga-tiga elemen adalah perlu bagi mewujudkan SWKK yang teratur dan bersistematik. Seterusnya, konsep SWKK juga adalah berdasarkan gagasan nilai murni seperti yang disebutkan di dalam al-Quran dan hadith iaitu seruan terhadap galakan melakukan kebaikan, saling bantu-membantu dan bekerjasama sesama Muslim serta menerapkan nilai kasih sayang dengan cara yang boleh menambahkan ketaqwaan kepada-Nya.

Seterusnya, pengkaji turut menerangkan mengenai rukun dan syarat dalam amalan SWKK yang meliputi orang yang berakad (peserta SWKK dan pelaksana SWKK), akad SWKK (*sighah*) dan kewujudan barang yang dibeli (skim dan manfaat). Selain itu, pengkaji juga turut merujuk kepada pandangan pakar Syariah terhadap amalan SWKK serta keistimewaannya yang telah berjaya dikupas oleh pengkaji. Antara intipatinya ialah: SWKK merupakan satu kaedah tabungan kematian yang sangat baik dan wajar dilaksanakan kerana ciri-ciri yang terdapat padanya dilihat mesra pengguna dan mampu memberi manfaat kepada orang lain. Dalam masa yang sama, ia mampu mengukuhkan struktur masyarakat Muslim kerana SWKK itu sendiri pada dasarnya mengguna pakai konsep *tabarru*^c dan takaful sebagai asas amalan ini.

Akhir sekali, pengkaji juga telah menjalankan temu bual bersama beberapa buah masjid mengikut kategori masjid di bawah pantauan JAIS iaitu merangkumi masjid pengurusan, masjid diraja dan juga masjid kariah. Hasil temu bual mendapati bahawa: pengurusan SWKK yang dilaksanakan di institusi masjid negeri Selangor (kecuali

masjid universiti seperti Masjid Universiti Putra Malaysia kerana berada di bawah pemantauan pihak universiti) perlulah melakukan pengauditan secara tahunan. Kini, pihak JAIS turut mengarahkan supaya unit khairat kematian hanya ditubuhkan oleh institusi masjid dan tidak boleh melibatkan pihak luar dalam pengurusan tersebut. Ini menunjukkan bahawa, pengawalan terhadap pengurusan SWKK sangat dititikberatkan agar tiada kemudatan yang berlaku pada masa akan datang.

Oleh itu, dengan adanya penjelasan yang lengkap dari konteks teori dan amalan SWKK ini diharapkan ia mampu memberi gambaran yang menyeluruh mengenai dasar dan proses SWKK di institusi masjid terpilih negeri Selangor kepada pembaca.

5.2.2 Ringkasan dan Perbincangan (Objektif Kajian 2)

Seterusnya, pengenalpastian terhadap isu-isu yang timbul dalam tadbir urus SWKK di institusi masjid negeri Selangor merupakan objektif kedua bagi kajian ini. Pengkaji mendapati bahawa, tahap pengetahuan dan kefahaman masyarakat Islam di negeri Selangor yang berumur 20 tahun dan ke atas adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, untuk mencapai kepada tahap yang lebih cemerlang, usaha terhadap hebahan dan promosi SWKK perlu dipergiat oleh institusi masjid dengan kerjasama pihak JAIS. Seterusnya, bagi tahap kualiti pengurusan SWKK di insititusi masjid negeri Selangor, secara majoritinya ia juga berada pada tahap yang memuaskan. Namun, masih terdapat sekumpulan kecil responden yang menyatakan bahawa pengurusan SWKK berada pada tahap yang sebaliknya.

Dari sudut bayaran dan manfaat SWKK pula, hasil kajian ini mendapati bahawa: kebanyakan responden mempunyai kemampuan dalam menyertai SWKK berikutan bayaran yang relevan dan sesuai dengan manfaat yang diberikan. Walaupun begitu,

pihak JAIS dilihat perlu mengkaji dan menyemak semula kadar bayaran dan caruman SWKK supaya dapat menyediakan satu garis panduan SWKK yang lebih komprehensif, praktikal dan universal. Akhir sekali, pengkaji telah mendapatkan sejumlah isu serta cadangan yang telah dikemukakan oleh para responden terhadap pelaksanaan SWKK di masjid masing-masing untuk dijadikan sebagai rujukan dan pemerhatian pihak yang berkenaan.

Justeru itu, isu dan cadangan yang diteroka oleh pihak pengkaji ini diharap dapat membantu pihak pengurusan SWKK khususnya kepada pihak institusi masjid dan juga JAIS untuk lebih cakna akan permasalahan yang dihadapi oleh ahli SWKK dan akhirnya dapat menghasilkan pengurusan SWKK yang lebih cemerlang dari semasa ke semasa.

5.2.3 Ringkasan dan Perbincangan (Objektif Kajian 3)

Akhir sekali, objektif kajian pengkaji yang ketiga ialah menganalisis kaedah dan aplikasi *Maqāṣid Sharī'ah* terhadap SWKK. Justeru itu, pengkaji telah menghuraikan definisi *Maqāṣid Sharī'ah* dan *Maṣlahah* sebagai tapak dan asas kepada pengenalan ilmu *Maqāṣid Sharī'ah*. Kemudiannya, pengkaji menerangkan kaitan SWKK dengan tingkatan *Maqāṣid Sharī'ah* iaitu *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsiniyyāt*.

Secara ringkasnya, SWKK boleh dikategorikan sebagai satu keperluan kepada individu di bawah golongan B40 dan muallaf, manakala bagi golongan M40, keperluan terhadap penyertaan SWKK adalah kurang dengan syarat individu tersebut mampu menyelesaikan segala bayaran kos pengurusan jenazah ahli keluarga kelak. Berbeza pula keadaannya dengan individu yang berada pada kategori T20, ketidakperluan terhadap penyertaan SWKK dilihat tidak menjadi satu masalah kerana golongan

tersebut mempunyai pendapatan yang lebih tinggi daripada golongan sebelum ini dan risiko terhadap kesulitan untuk membuat simpanan bagi perkara kecemasan seperti pengurusan jenazah dilihat minimal. Jadual ringkasan adalah seperti di bawah:

Tingkatan *Maqāṣid Sharī'ah* (*Darūriyyāt*, *Hājiyyāt* dan *Taḥsiniyyāt*):

Jadual 5.1: Jadual tingkatan *Maqāṣid Sharī'ah* dengan SWKK

Keperluan Skim Wang Khairat Kematian (SWKK)	Tingkatan <i>Maqāṣid</i>	Golongan
	<i>Darūriyyāt</i>	B40 dan muallaf
	<i>Hājiyyāt</i>	M40
	<i>Taḥsiniyyāt</i>	T20

Selain itu, analisis terhadap hubungkait antara SWKK dengan prinsip *Maqāṣid Sharī'ah* turut dilaksanakan oleh pengkaji. Prinsip yang dimaksudkan adalah prinsip *Darūriyyāt al-Khams* iaitu *ḥifz dīn* dan *ḥifz māl*. Pengkaji juga telah menjelaskan hubung kait berikut secara tuntas dan padat dengan menjelaskan kaedah-kaedah tadbir urus yang perlu diterapkan dalam amalan SWKK bagi mencapai *Maqāṣid Sharī'ah* seperti yang diharapkan di dalam kajian ini. Oleh yang demikian, pengkaji telah mengolah huraian tersebut kepada bentuk jadual supaya pembaca dapat memahami apa yang diterangkan oleh pengkaji dengan mudah dan ringkas. Kaitan SWKK terhadap hubungan dan tadbir urus dengan prinsip *Maqāṣid Sharī'ah* (*ḥifz dīn* dan *ḥifz māl*) adalah seperti berikut:

Jadual 5.2: Kaitan SWKK dengan prinsip *Maqāṣid Sharī'ah*

Prinsip	Hubungan
<i>Ḥifz dīn</i> (menjaga agama)	<ol style="list-style-type: none"> Menghidupkan agama Islam – berdasarkan perintah Allah dalam meninggikan Syiar Islam: <p>Kaedah:</p> <p>Penekanan terhadap penjelasan akad <i>Tabarru^c</i> dalam kontrak SWKK</p>

<p><i>Hifz māl</i> (menjaga harta)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jaminan kewangan melalui takaful <i>ijtimā'iy</i> 2. Etika pengurusan dana berlandaskan Syarak: <p>Kaedah 1:</p> <p>Pelantikan terhadap individu yang amanah dan bertanggungjawab dalam menguruskan dana SWKK menjadi keutamaan</p> <p>Kaedah 2:</p> <p>Pengemaskinian rekod keluar masuk kewangan SWKK perlu dilakukan dengan cekap dan efisien</p> <p>Kaedah 3:</p> <p>Pemberitahuan dan makluman secara berkala mengenai rekod kewangan SWKK kepada ahli khairat</p> <p>Kaedah 4:</p> <p>Penyimpanan dana di tempat yang tepat dan selamat</p>
--	---

5.3 Implikasi Kajian

Kajian ini telah memberi implikasi yang besar terhadap pihak institusi masjid dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang menjadi penggerak utama kepada pendidikan agama dan program-program dakwah. Selain itu, implikasi kajian ini turut diterima oleh masyarakat khususnya yang beragama Islam dan ahli akademik di seluruh dunia secara amnya. Huraian bagi tiga aspek di atas adalah seperti berikut:

- a) Kajian ini telah menjadi satu kajian rintis terhadap pelaksanaan SWKK di negeri Selangor dan dapatan kajian mengenai isu-isu SWKK menunjukkan bahawa, kaedah amalan SWKK yang sedia ada perlu diteliti dan dikaji untuk menghasilkan satu sistem yang lebih maju dan cemerlang.

- b) Dapatan kajian mengenai hubungkait SWKK dengan *Maqāṣid Shari'ah* mampu membuka mata dan minda masyarakat untuk mengetahui kepentingan perihal pengurusan jenazah dan secara tidak langsung galakan terhadap umat Islam dalam menyertai SWKK dapat dipupuk sebagai persediaan kematian melalui tabungan bersama yang bersifat tolong-menolong sesama penduduk setempat.
- c) Kajian ini telah mengetengahkan beberapa kaedah tadbir urus yang boleh dijadikan sebagai garis panduan dari sudut penjagaan agama dan penjagaan harta agar amalan SWKK ini mampu mencapai objektif Syariah sesuai dengan kehendak Syarak.

5.4 Cadangan Penyelidikan Masa Depan

Terdapat beberapa cadangan terhadap kajian lanjutan berkaitan skop kajian ini.

Antaranya ialah:

- a) Keperluan untuk mempertingkatkan kesedaran dalam penyertaan SWKK kepada umat Islam. Usaha tersebut adalah seperti memberi pendedahan berkaitan SWKK ke dalam silibus kursus kahwin bagi memastikan kesemua pasangan yang hendak berkahwin akan mengambil berat mengenai isu persediaan pengurusan jenazah. Ini kerana, sekiranya mana-mana pasangan diuji dengan perpisahan sekurang-kurangnya ilmu mengenai SWKK telah ada pada diri mereka khususnya bagi kaum wanita untuk kepentingan hidup pada masa akan datang.
- b) Kajian ini perlu diperluaskan lagi dengan kerjasama pihak institusi masjid bersama pihak JAIS bagi memantapkan model SWKK sedia ada yang

bersifat komprehensif dalam membangunkan satu sistem yang terbaik khususnya dalam pelaksanaan SWKK yang menyentuh setiap aspek bermula daripada pihak pengurusan SWKK. Sebagai contoh, pihak berwajib mewajibkan AJK yang bertanggungjawab untuk menyertai kursus pengurusan kewangan atau mendapatkan tauliah yang sewajarnya. Selain itu, melantik lebih ramai lagi AJK daripada golongan belia untuk menguruskan SWKK bagi membantu dalam memperkasa hebahan dan promosi SWKK kepada masyarakat. Manakala bagi kaedah dan kadar bayaran atau caruman pula, pihak yang berkenaan boleh membangunkan satu sistem khas SWKK bagi memudahkan pihak peserta melakukan transaksi dan juga pihak pengurusan untuk urusan merekod dan menyemak data.

- c) Akhir sekali, sebuah kajian khusus terhadap keperluan penubuhan Skwad Pengurusan Jenazah Malaysia (SPJM) seperti yang telah ditubuhkan di Wilayah Persekutuan (Skuad Pengurusan Jenazah Malaysia, 2018) adalah rasional untuk dikaji bagi membantu pihak institusi masjid yang kekurangan AJK SWKK dalam memberi kelancaran yang optimum terhadap pengurusan jenazah ataupun bagi keperluan pada masa akan datang.

5.5 Kesimpulan

Sebagai rumusan, kajian ini telah menjawab kesemua objektif kajian. Dalam bab ini, pengkaji juga telah merumuskan setiap objektif secara ringkas dan natijahnya, kajian ini telah memberikan satu dapatan data yang khusus terhadap pelaksanaan SWKK di negeri Selangor. Pihak institusi masjid dan JAIS perlulah bekerjasama untuk meningkatkan mutu dan memperkasa SWKK ke tahap yang lebih baik dan cemerlang agar manfaat terhadap amalan ini dapat dioptimumkan dengan sebaiknya sehingga mampu memberi kebaikan kepada masyarakat Islam secara menyeluruh. Hal ini secara tidak langsung, dakwah terhadap masyarakat dapat diterapkan melalui pengurusan jenazah yang cemerlang dan berkesan. Di samping itu, kajian terhadap SWKK dengan *Maqāsid Shari'ah* mampu melahirkan masyarakat yang faham mengenai SWKK serta celik terhadap ilmu *Maqāsid Shari'ah*. Kajian ini diharapkan dapat membantu memartabatkan agama Islam ke tahap yang lebih tinggi pada masa akan datang khususnya bagi pihak institusi masjid melalui sistem pengurusan jenazah yang bersifat sistematik dan dinamik.